

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 MEI 2018**

**1. UCAPAN TAHNIAH KEPADA Y.A.B. TUAN CHOW KON YEOW
ATAS PELANTIKAN SEBAGAI KETUA MENTERI PULAU
PINANG YANG BAHARU**

MPSP mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baharu pada 14 Mei 2018 selepas kemenangan besar Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum ke-14. MPSP yakin dengan kepimpinan dan kewibawaan yang dimiliki oleh Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow ini dapat membawa Pulau Pinang ke arah negeri yang makmur, berdaya tahan dan sentiasa mendahului sehingga ke peringkat antarabangsa.

**2. UCAPAN TAHNIAH KEPADA Y.B. TUAN JAGDEEP SINGH
DEO ATAS PELANTIKAN SEBAGAI AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (MMK)
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR &
DESA YANG BAHARU**

MPSP mengucapkan tahniah kepada Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo atas pelantikan semula sebagai Exco Pulau Pinang yang baharu pada 16 Mei 2018. Beliau telah dilantik untuk memegang portfolio Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa. Oleh itu, MPSP dengan penuh yakin bahawa Y.B Tuan Jagdeep Singh Deo dapat membimbing MPSP menuju ke arah pihak berkuasa tempatan yang lebih cekap, berkualiti serta berkesan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai.

3. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2018

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 15 Jun 2018 (Jumaat) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga kerja MPSP dan penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

4. MPSP TELAH DIANUGERAHKAN SIJIL SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2016

Dimaklumkan bahawa MPSP baharu menerima Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 pada 17 Mei 2018 dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. MPSP telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 bintang berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kerjasama semua pihak atas kejayaan ini.

5. MPSP CAR FREE MORNING PADA 3 JUN 2018 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa Program MPSP Car Free Morning yang dirancang diadakan pada 3 Jun 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya adalah DITUNDA ke bulan Julai iaitu pada 1 Julai 2018 (Ahad). Program ini ditunda untuk memberi laluan sempena bulan Puasa dan semua aktiviti akan dibawa pada bulan yang akan datang.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP iaitu Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin yang dirancang diadakan pada 17 Jun 2018 (Ahad) akan ditangguh sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan akan dijalankan semula pada bulan Julai iaitu 15 Julai 2018 (Ahad). Manakala senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Jun 2018 (Ahad) seperti biasa. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.